

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HIU 302 Pendidikan Rohaniah dalam Islam

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGİ ENAM [6] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Asingkan kertas jawapan antara Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Huraikan keperluan-keperluan manusia yang terkandung dalam Umm al-Kitāb. Bandingkan keperluan-keperluan itu dengan yang disarankan oleh Abraham Maslow. Apakah perbezaan yang paling ketara apabila keperluan-keperluan itu diterapkan ke dalam perancangan pembangunan sesebuah negara.
2. "Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya ruhKu..."

(al-Qur'an, al-Hijr [15]: 29)

Huraikan petikan tersebut di atas dalam kaitannya dengan hakikat kejadian manusia dan tazkiyah al-nafs. Bagaimanakah anda dapat menghubungkan petikan di atas dengan isu-isu "lupa" (nisyan) serta peranan manusia selaku 'abd dan khalifah.

3. ("There is no doubt that a central aim of the Qur'an is to establish a viable social order on earth that will be just and ethically based.")

"Tidak syak lagi bahawa tujuan utama al-Qur'an ialah untuk membangun peraturan hidup bermasyarakat yang mampu tegak di muka bumi berdasarkan keadilan dan akhlak mulia."

(Fazlur Rahman, Major Themes of the Qur'an, hlm. 37)

Bincangkan petikan tersebut di atas dari sudut pandangan Ilmu Kerohanian Islam. Kemudian, paparkan dua aliran kerohanian yang pernah wujud dalam sejarah pemikiran Islam serta pengaruh aliran-aliran itu di Malaysia. Jelaskan perbezaan yang mungkin wujud dalam kedua-dua aliran itu dalam menanggapi isu-isu yang ditimbulkan dalam petikan di atas.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Pendidikan Rohaniah mempunyai kedudukannya yang penting di antara disiplin-disiplin ilmu Islam. Terangkan peranan yang dapat dimainkan oleh pendidikan rohaniah dalam menyempurnakan fungsi ilmu-ilmu Tawhid dan Fiqh.
5. Huraikan bagaimana amalan-amalan fardu dan sunat, termasuk adhkār dan awrād, dapat membina kemantapan rohaniah seseorang untuk kesejahteraan individu dan masyarakat.
6. Pengetahuan seseorang tentang gejala-gejala penyakit jiwa dan tanda-tanda kesihatannya boleh membantunya ke arah pembinaan rohaniah dan rawatan jiwa yang berkesan. Bincangkan.